

PENGANTAR BAGI 3M

Pemerintah Singapura bertekad untuk memastikan jagaan kesihatan kekal termampu, serta membantu pesakit yang kesempitan wang melunaskan bil perubatan mereka. Jagaan kesihatan kekal termampu bagi warga Singapura dengan adanya subsidi pemerintah yang besar, ditambah pula dengan rangkaian skim Medisave, MediShield dan Medifund.

MEDISAVE

1. Apa itu Medisave?

Medisave adalah skim tabungan perubatan nasional yang membantu setiap individu menabung sebahagian daripada pendapatannya dalam Akaun Medisave, demi menampung belanja rawatan perubatan akan datang. Medisave meliputi rawatan menginap di hospital, pembedahan harian dan rawatan pesakit luar yang tertentu, bagi diri sendiri atau anggota keluarga terdekat. Menabung untuk belanja rawatan perubatan akan datang adalah penting, kerana semakin usia kita meningkat, semakin itu kita memerlukan rawatan perubatan dan rawatan di hospital. Adalah penting untuk kita menggunakan tabungan Medisave dengan bijak, supaya ianya dapat bertahan sepanjang umur kita.

2. Sebagai pekerja, bagaimana harus saya mencarum untuk Akaun Medisave?

Sebagai pekerja, anda harus mencarum 6.5% - 9% daripada pendapatan bulanan ke dalam Akaun Medisave, bergantung pada peringkat umur, seperti yang tertera di bawah:

<u>Umur</u>	<u>Kadar Caruman</u>
Kurang 35 tahun	6.5%
35 hingga 44 tahun	7.5%
45 hingga 60 tahun	8.5%
60 tahun ke atas	9.0 %

3. Adakah mereka yang bekerja sendiri perlu mencarum untuk Medisave?

Ya. Hanya mereka yang bekerja sendiri dan mempunyai pendapatan lebih daripada \$6,000 setahun perlu mencarum untuk Medisave. Butiran mengenai caruman Medisave bagi mereka yang bekerja sendiri boleh didapati di lelaman Lembaga CPF.

4. Di hospital manakah boleh saya gunakan Medisave?

Anda boleh menggunakan Medisave di sebarang Hospital-Hospital Yang Disusun Semula dan juga sebarang hospital swasta, klinik swasta dan institusi perubatan yang diiktiraf Medisave.

5. Apa yang harus saya lakukan sebelum rawatan menginap di hospital?

Anda patut mengikuti sesi kaunseling kewangan. Dalam sesi ini, kakitangan hospital akan menganggarkan bil hospital anda, memeriksa baki Medisave anda, dan menyatakan berapa jumlah yang boleh ditanggung oleh Medisave dan berapa baki yang perlu dibayar dengan wang tunai. Kemudian anda patut memilih hospital dan kelas wad yang anda mampu.

Untuk menggunakan Medisave bagi membayar rawatan menginap di hospital, anda harus menandatangani Borang Kebenaran Medisave untuk membenarkan Lembaga CPF memotong Akaun Medisave anda. Jika anda menggunakan Medisave anda untuk membayar rawatan menginap di hospital bagi anggota keluarga, anda harus membuat perakuan jujur tentang hubungan pesakit itu dengan diri anda semasa menandatangani Borang Kebenaran Medisave.

6. Jika saya menggunakan Medisave saya bagi anggota keluarga, adakah dokumen-dokumen diperlukan sebagai bukti hubungan keluarga?

Anda tidak perlu menunjukkan dokumen-dokumen sebagai bukti hubungan keluarga sewaktu dimasukkan ke hospital. Tetapi, pesakit atau pemegang akaun Medisave boleh diminta menunjukkan dokumen-dokumen yang perlu, jika dikehendaki oleh Lembaga CPF dalam pemeriksaan audit.

Sesiapa yang didapati membuat perakuan palsu akan dihukum, kerana menggunakan Akaun Medisave orang lain tanpa kebenaran adalah satu kesalahan jenayah. Mereka yang terlibat boleh diadukan kepada Polis.

7. Apakah bayaran hospital yang ditanggung oleh Medisave?

Medisave menanggung:

- Bayaran harian wad
- Bayaran kedatangan doktor
- Bayaran operasi pembedahan
- Bayaran bagi pesakit dalam untuk rawatan perubatan, penyiasatan, ubat, khidmat pemulihan, bekalan perubatan, implan dan prostesis yang dipasang dalam pembedahan.

8. Berapa banyak dari tabungan Medisave saya boleh digunakan untuk menampung bil hospital?

Medisave menanggung:

- **Rawatan perubatan / pembedahan dengan penginapan di hospital**
\$450 sehari bagi bayaran hospital dan bayaran rawatan, termasuk maksimum \$50 bagi yuran harian kedatangan doktor, dan tambahan had tetap bagi prosedur pembedahan (mengikut daftar prosedur pembedahan).

- **Pembedahan harian yang diluluskan**
Sehingga \$300 sehari bagi bayaran hospital dan bayaran rawatan, termasuk maksimum \$30 bagi yuran harian kedatangan doktor, dan tambahan had tetap bagi prosedur pembedahan (mengikut daftar prosedur pembedahan).

- **Operasi pembedahan menginap di hospital dan pembedahan harian**

Had yang ditetapkan – bergantung pada rumitnya operasi – mengikut daftar prosedur pembedahan yang ditunjukkan di bawah:

Daftar Prosedur	Had Medisave
1A - 1C	\$150 – \$250
2A - 2C	\$350 – \$600
3A - 3C	\$800 - \$1,200
4A - 4C	\$1,400 - \$1,800
5A - 5C	\$2,000 - \$2,400
6A - 6C	\$2,800 - \$3,600
7A - 7C	\$4,000 - \$5,000

- **Rawatan Psikiatri**

Sehingga \$150 sehari bagi bayaran hospital dan bayaran rawatan, termasuk maksimum \$50 bagi yuran harian kedatangan doktor, yang jumlahnya dihadkan sebanyak \$5,000 setahun.

- **Penginapan di hospital masyarakat yang diluluskan**

Sehingga \$150 sehari bagi bayaran hospital dan bayaran rawatan, termasuk maksimum \$30 bagi yuran harian kedatangan doktor, yang jumlahnya dihadkan sebanyak \$3,500 setahun.

- **Penginapan di hospital pemulihan yang diluluskan**

Sehingga \$50 sehari bagi bayaran hospital dan bayaran rawatan, termasuk maksimum \$30 bagi yuran harian kedatangan doktor, yang jumlahnya dihadkan sebanyak \$3,500 setahun.

- **Penginapan di hospis yang diluluskan**

Sehingga \$160 sehari bagi bayaran hospital dan bayaran rawatan, termasuk maksimum \$30 bagi yuran harian kedatangan doktor.

- **Jagaan harian bagi warga tua di pusat rawatan kesihatan yang diiktiraf**

Sehingga \$20 sehari bagi bayaran jagaan harian, yang jumlahnya dihadkan sebanyak \$1,500 setahun.

9. *Apakah jenis bayaran pesakit luar yang ditanggung Medisave?*

Medisave boleh digunakan untuk rawatan pesakit luar yang berikut:

- Vaksin Hepatitis B
- Prosedur kehamilan berbantu
- Rawatan dialisis ginjal
- Radioterapi untuk pesakit kanser
- Kemoterapi untuk pesakit kanser
- Ubat anti-retrovirus HIV
- Ubat Desferral dan pemindahan darah bagi rawatan Thalassaemia
- Terapi Oksigen Hiperbarik
- Rawatan Antibiotik Intravena Bagi Pesakit Luar

- Sewaan peranti bagi Terapi Oksigen Jangka Panjang dan Terapi Saluran Pernafasan Bertekanan Positif dan Berterusan Bagi Bayi
- Ubat penindas imuniti bagi pesakit pemindahan organ
- Rawatan bagi penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, masalah lipid (misalnya kadar darah kolesterol yang tinggi) dan angin ahmar (sila rujuk soalan 20 and 21 bagi seksyen ini)

10. Adakah Medisave menanggung belanja bersalin?

Ya, Medisave boleh digunakan untuk membayar belanja perubatan bersalin dan sebelum bersalin seseorang wanita bagi empat anak pertama yang hidup. Medisave juga boleh digunakan untuk membayar belanja bersalin dan sebelum bersalin bagi wanita yang melahirkan anak yang ke lima dan seterusnya, jika kedua ibu bapa mempunyai baki sekurang- kurangnya \$15,000 dalam simpanan bersama Medisave mereka sewaktu bersalin.

11. Berapa banyak yang boleh saya keluarkan dari Medisave bagi belanja bersalin?

Jumlah yang boleh dikeluarkan ditentukan oleh Pakej Kehamilan Medisave. Di bawah Pakej Kehamilan Medisave, anda boleh mengeluarkan Medisave bagi belanja perubatan sebelum bersalin (contohnya pemeriksaan doktor, ultrabunyi, ujian, ubat, dsb), belanja bersalin dan bayaran harian hospital. Setiap Pakej Kehamilan Medisave mempunyai Had Keluar Medisave yang bergantung pada prosedur bersalin dan jumlah hari pesakit dimasukkan ke hospital.

Jenis Pakej Bersalin	Had Medisave (\$)
Kelahiran Melalui Faraj (Normal)	900 + 450 sehari
Kelahiran Melalui Faraj (Dibantu)	1,250 + 450 sehari
Pembedahan Caesarean (Normal)	1,850 + 450 sehari
Pembedahan Caesarean (beserta Pengikatan Tiub)	2,050 + 450 sehari
Pembedahan Caesarean (beserta Histerektomi)	2,850 + 450 sehari

Untuk mengeluarkan wang dari Medisave bagi perbelanjaan perubatan sebelum bersalin dibawah Pakej Kehamilan Medisave, anda harus menunjukkan bil-bil kepada pihak hospital di mana bayi itu dilahirkan. Pihak hospital akan menghantar bil-bil ini, beserta bil bagi belanja bersalin, bagi tuntutan Medisave dibawah Pakej Kehamilan Medisave.

12. *Apakah yang tidak ditanggung oleh Medisave?*

Medisave tidak menanggung:

- Ujian bagi memasukkan yang dibatalkan
- Pembedahan kosmetik
- Laporan perubatan
- Bekalan peralatan, peranti dan perkakas seperti kerusi roda
- Perkhidmatan lain seperti bayaran ambulans, panggilan telefon, dobi, dsb.
- Jagaan pelega

13. *Mengapa dikenakan had bagi mengeluarkan wang?*

Kita perlu mengenakan had bagi mengeluarkan wang Medisave supaya tabungan Medisave dapat bertahan bagi keperluan perubatan akan datang, terutama setelah bersara dan lanjut usia. Had yang dikenakan pada umumnya cukup untuk menampung sepenuhnya belanja rawatan di wad Kelas B2 dan C. Bagaimanapun, belanja rawatan di hospital swasta dan di wad Kelas A dan B1 bagi hospital yang disusun semula biasanya harus ditanggung oleh pesakit dengan wang sendiri bagi baki bil yang melebihi had Medisave.

14. *Bagaimana jika bil hospital saya melebihi had yang ditanggung Medisave?*

Anda perlu membayar cengkeram hospital pada waktu masuk hospital bagi bahagian bil yang melebihi had mengeluarkan wang dari Medisave. Pesakit yang masuk wad Kelas B2/C menggunakan Medisave pada umumnya tidak diminta membayar cengkeram tunai jika baki akaun Medisave cukup untuk menampung jumlah cengkeram. Pesakit yang masuk Kelas B2/C dan tidak mampu membayar cengkeram atau bayaran hospital boleh meminta bantuan dari Medifund ataupun pihak hospital. Mereka yang memilih wad Kelas A/B1 harus membayar cengkeram tunai kerana Medisave tidak boleh menanggung seluruh bil. Jika tidak mampu membayar cengkeram, mereka patut menimbangakan semula pilihan kelas wad.

15. *Bila akaun Medisave saya akan dipotong?*

Setelah pesakit keluar dari hospital, pihak hospital akan menyiapkan bil dan menghantar tuntutan kepada Lembaga CPF. Lembaga CPF akan memotong dari Akaun Medisave anda dan mengirim kepada anda penyata akaun.

16. *Apa yang berlaku jika baki Medisave saya tidak cukup untuk menampung bil hospital?*

Pesakit di wad Kelas B2 dan Kelas C di hospital yang disusun semula boleh membayar baki bil hospital dengan caruman Medisave yang akan datang. Bagaimanapun, penggunaan Medisave pada masa akan datang tidak akan dibenarkan bagi rawatan pesakit luar yang diluluskan Medisave. Selain Medisave, bil hospital anda boleh juga dibayar dengan menggunakan insurans hospital seperti MediShield. Anda juga mungkin boleh layak menerima bantuan kewangan dari Medifund.

17. Apa yang berlaku jika majikan atau syarikat insurans saya menanggung sebahagian daripada belanja hospital saya?

Jika majikan atau syarikat insurans anda yang akan melunaskan bil, sila bawa Surat Jaminan dari majikan atau syarikat insurans anda, atau tunjukkan Kad Pengenalan Rawatan Hospital anda. Pada waktu masuk hospital, anda masih dikehendaki menandatangani Borang Kebenaran Medisave. Bergantung pada aturan antara pihak majikan, syarikat insurans dengan hospital, Medisave anda akan dipotong untuk menanggung seluruh atau sebahagian daripada bil, apabila bil dituntut bayarannya.

18. Bolehkah majikan atau syarikat insurans membayar saya dengan wang tunai jika saya sudah menggunakan Akaun Medisave untuk membayar belanja hospital?

Tidak. Jika anda sudah menggunakan Akaun Medisave untuk membayar belanja hospital, majikan atau syarikat insurans anda tidak boleh membayar anda dengan wang tunai bagi bahagian bil hospital anda yang sepatutnya mereka tanggung. Majikan atau syarikat insurans mesti membayar ke dalam Akaun Medisave anda, bagi menggantikan jumlah yang seharusnya mereka bayar.

20. Apakah itu Program Medisave bagi Pengurusan Penyakit Kronik?

Program Medisave bagi Pengurusan Penyakit Kronik bertujuan untuk memperbaiki penjagaan bagi pesakit yang mengidap penyakit kronik and mengurangkan perbelanjaan untuk penjagaan kesihatan pada jangka masa panjang. Program ini berdasarkan pada panduan-panduan klinikal dan bukti-bukti perubatan. Anda boleh menggunakan wang Medisave untuk membayar rawatan pesakit luar bagi penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, masalah lipid (misalnya kadar darah kolesterol yang tinggi) dan angin ahmar.

Bagi setiap bil, anda perlu membayar hanya \$30 yang pertama (deductible) dan 15 peratus daripada baki bil tersebut. Baki selanjutnya boleh dibayar daripada Medisave. Ini tidak mengambil kira sama ada bil tersebut adalah untuk satu lawatan ke klinik sahaja ataupun satu pakej rawatan (misalnya bagi bil \$100, anda perlu membayar \$30 serta \$10.50 (15% dari baki \$70) dan menggunakan Medisave untuk membayar baki bil sebanyak \$59.90.)

Doktor anda (yang harus diiktiraf oleh pihak Medisave dan adalah daripada klinik yang menyertai program ini) harus mengesahkan dalam Borang Pembeneran Medisave bahawa anda mengidap salah satu daripada empat penyakit kronik yang disertakan dalam program ini.

21. Berapa banyak yang boleh saya keluarkan dari Medisave untuk rawatan luar bagi Program Penyakit Kronik?

Ditetapkan had sebanyak \$300 bagi setiap akaun Medisave, setiap tahun, tidak kira berapa banyak penyakit kronik yang anda hidapi. Tetapi, anda juga boleh menggunakan wang Medisave anggota keluarga terdekat anda.

MEDISHIELD

1. Apa itu MediShield?

MediShield adalah skim insurans perubatan berkemampuan yang membantu pemegang akaun Medisave dan tanggungan mereka membayar kos rawatan bagi penyakit teruk atau berpanjangan pada peringkat Kelas B2 dan C.

Warga Singapura boleh menggunakan tabungan Medisave bagi membayar premium MediShield ataupun premium skim insurans sektor swasta yang diluluskan Medisave. Pemegang akaun Medisave juga boleh menggunakan Medisave mereka untuk membayar premium bagi tanggungan mereka.

2. Adakah saya dilindungi MediShield?

MediShield adalah skim yang membolehkan seseorang memilih untuk tidak menyertainya. Ini bermakna warga Singapura dan Penduduk Tetap akan dilindungi secara automatik dibawah MediShield apabila mereka mencarum untuk akaun CPF mereka buat pertama kalinya, melainkan mereka memilih untuk menarik diri. Jika anda kurang pasti sama ada anda ataupun tanggungan anda dilindungi dibawah MediShield, anda boleh bertanya dengan Lembaga CPF atau kakitangan yang menguruskan kemasukan di hospital.

3. Berapakah bahagian bil hospital saya yang dilindungi MediShield?

MediShield adalah skim insurans yang bertujuan membantu pesakit membayar bil rawatan yang besar. Pertama sekali, pesakit harus membayar kos perubatan yang mesti dibayar dahulu (deductible) (\$1,500 pertama daripada jumlah yang boleh dituntut bagi bil Kelas B2 atau \$1,000 pertama daripada jumlah yang boleh dituntut bagi bil Kelas C). Kemudian, MediShield akan membayar antara 80% dan 90% baki jumlah yang boleh dituntut, bergantung pada jumlah bil tersebut. Pesakit boleh menggunakan Medisave untuk membayar bahagian bil yang tidak ditanggung oleh MediShield.

4. Bagaimanakah perkiraan bagi jumlah tuntutan MediShield dilakukan?

Jumlah yang boleh dituntut dari MediShield dikira berdasarkan jumlah hari menginap di hospital untuk mendapatkan rawatan, jenis pembedahan yang dijalankan (jika ada), dan jika ada sebarang implan yang digunakan. Faedahnya adalah seperti berikut:

- Had tuntutan harian: \$250 (penginapan biasa di hospital) / \$500 (penginapan di ICU). Had-had ini merangkumi bayaran wad, pemeriksaan doktor / yuran rawatan, dan juga kos bagi penyelidikan dan ubat-ubatan.
- Had tuntutan bagi prosedur pembedahan: antara \$150 dan \$1,100;
- Had tuntutan bagi implan pembedahan: \$2,500
- Had tuntutan tahunan: \$50,000; dan
- Had tuntutan seumur hidup: \$200,000

MediShield juga membayar beberapa rawatan pesakit luar yang mahal seperti kemoterapi dan radioterapi bagi rawatan kanser, dan dialisis ginjal.

5. *Apa yang tidak ditanggung oleh MediShield?*

MediShield tidak menanggung rawatan bagi penyakit teruk yang dihidap lebih awal, ertinya penyakit yang diberi rawatan perubatan dalam tempoh 12 bulan sebelum perlindungan MediShield dimulai. Rawatan tertentu, misalnya keganjilan kongenital, pembedahan kosmetik, bayaran bersalin, penyakit otak dan masalah perwatakan juga tidak ditanggung oleh MediShield.

6 *Bagaimana cara saya membuat tuntutan dari MediShield?*

Jika anda dilindungi MediShield semasa masuk hospital, anda boleh menuntut sebahagian bil hospital supaya dibayar dari MediShield, dengan memberitahu kakitangan hospital yang menguruskan kemasukan bahawa anda ingin membuat tuntutan. Pihak hospital akan membuat tuntutan MediShield untuk anda. Setelah tuntutan diproses, Lembaga CPF akan membayar terus kepada hospital jika terdapat tuntutan. Baki bayaran boleh dibayar dengan Medisave atau wang tunai.

7. *MediShield direka bagi rawatan menginap di hospital di wad-wad Kelas B2/C. Bagaimana pula bagi mereka yang memilih wad Kelas B1/A atau hospital swasta?*

Bagi mereka yang memilih wad Kelas B1/A atau hospital swasta, mereka boleh memilih untuk dilindungi dibawah Pelan Bersepadu swasta yang diluluskan oleh Medisave. Pelan-pelan ini menyediakan lebih banyak faedah dan perlindungan bagi penginapan di Kelas B1/A atau di hospital-hospital swasta. Medisave boleh digunakan untuk membayar premium bagi produk-produk ini selagi mereka memenuhi keperluan peraturan yang ditetapkan oleh MOH dan telah diluluskan oleh MOH.

8. *Di mana saya boleh dapatkan butiran lanjut tentang MediShield?*

Bagi mendapatkan butiran lanjut, anda boleh hubungi Lembaga CPF di talian 1800-227 1188 atau kunjungi lalaman mereka di <http://www.cpf.gov.sg>.

MEDIFUND

1. *Apa itu Medifund?*

Medifund adalah dana endowmen yang ditubuhkan oleh Pemerintah sebagai jaring penyelamat bagi warga Singapura yang tidak mampu membayar belanja rawatan perubatan bersubsidi besar, di hospital yang disusun semula.

2. *Apakah saiz Medifund?*

Saiz modal bagi Medifund adalah \$1.5 bilion pada 2007. Medifund akan ditingkatkan secara bertahap-tahap apabila terdapat lebih belanjawan, sehingga ianya meningkat kepada saiz dana sasaran iaitu \$2 bilion.

3. *Hospital dan institusi perubatan manakah yang diluluskan bagi saya mendapat bantuan Medifund?*

Anda boleh memohon bantuan Medifund di semua hospital dan institusi perubatan yang disusun semula, dan juga di beberapa kemudahan jagaan berkediaman yang diuruskan oleh badan kebajikan sukarela yang diiktiraf Medifund.

4. *Siapa yang layak bagi bantuan Medifund?*

Untuk layak menerima bantuan Medifund, anda haruslah seorang warga Singapura, telah menerima rawatan atau memerlukan rawatan dari sebarang institusi yang diluluskan Medifund sebagai pesakit dalam Kelas B2 atau C, pesakit yang menjalani pembedahan harian dan menerima subsidi, ataupun pesakit luar yang menerima subsidi dan tidak mampu membayar bayaran perubatan, yuran atau perbelanjaan lainnya untuk diri sendiri ataupun keluarga, dan telah menggunakan kesemua baki Medisave milik sendiri dan anggota keluarga terdekat.

5. *Bolehkah pesakit yang menginap di Kelas A, B1 dan B2+ mendapat bantuan Medifund?*

Tidak. Medifund hanya membantu warga Singapura yang menggunakan perkhidmatan Kelas C atau B2, yang menerima subsidi besar. Medifund dimaksudkan sebagai jaring penyelamat bagi mereka yang tidak mampu membayar bayaran bagi perkhidmatan bersubsidi besar.

6. *Bagaimana cara memohon bantuan Medifund?*

Anda boleh beritahu kakitangan hospital, misalnya doktor, jururawat, atau pekerja sosial perubatan, yang anda perlukan bantuan Medifund. Anda perlu mengisi borang permohonan, yang boleh didapati daripada Pekerja Sosial Perubatan/Pejabat Urusan Hospital. Seorang Pegawai Sosial Perubatan akan ditugaskan membantu anda. Anda mungkin diminta menunjukkan dokumen-dokumen bagi mengesahkan kewangan anda, dan pegawai mungkin perlu melawat anda di rumah.

7. *Siapa yang menentukan jumlah bantuan Medifund?*

Setiap hospital dan institusi perubatan yang diluluskan ada Jawatankuasa Medifund Hospital masing-masing bagi menimbang dan meluluskan permohonan, serta menentukan jumlah bantuan sejajar dengan garis panduan yang disarankan. Jawatankuasa Medifund Hospital umumnya terdiri daripada anggota yang aktif dalam kerja kemasyarakatan. Mereka ini arif akan keperluan dan masalah warga Singapura berpendapatan rendah, dan dapat bersikap fleksibel dan membantu terhadap para pemohon.

8. *Berapakah bantuan dari Medifund yang boleh diperolehi seorang pesakit?*

Jumlah bantuan dari Medifund bergantung pada keadaan kewangan dan bayaran-bayaran yang perlu ditanggung. Jawatankuasa Medifund Hospital akan mengambil kira faktor-faktor seperti bil yang harus dibayar, dan sama ada rawatan yang diperlukan bagi jangka masa panjang, dan menilai setiap permohonan berdasarkan keadaan individu tersebut.

9. *Adakah Medifund akan memberi bantuan yang lebih kepada mereka yang mencarum untuk Medisave dan siapakah anggota-anggota Medishield?*

Ya. Untuk menggalak rasa bertanggungjawab yang lebih mendalam pada diri sendiri, Medifund akan menyediakan lebih banyak sokongan kepada mereka yang telah mencarum untuk Medisave secara tetap dan mereka yang dilindungi Medishield tetapi masih menghadapi masalah kewangan. Medifund juga akan memberi lebih banyak sokongan kepada warga tua di Singapura yang tidak mempunyai cukup masa untuk mengumpulkan Medisave sebelum mereka bersara.

10. *Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut tentang Medifund?*

Para anggota masyarakat boleh menghubungi talian MOH **1800-2254122** ataupun hospital-hospital yang disusun semula untuk penjelasan.